



"I want a clever man"

— Tun Hussein

UM 31/10/2003 - 11 PRECISE

Oleh MARHAINI KAMARUDDIN

PERTAMA kali melihat bakal suami adik perempuannya, terdetik di hati Datuk Paduka Siti Saleha Mohd. Ali bahawa: "Che Mah membuat pilihan yang tepat."

Kakak kepada 'Che Mah' atau Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali itu bagaikan tahu Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akan menjadi suami, bapa dan seorang pakar bedah yang baik.

"Orangnya lemah-lembut dan taat sangat kepada orang tua-tua. Dia tak pernah bangkang atau jawab balik walaupun tidak setuju. Kemudian... lepas beberapa lama baru dia cakap kenapa tidak setuju. Itu pun kadang-kadang dia tak payah cakap, kita tahu kita silap," katanya.

Berdasarkan perwatakan itu, lantas apabila Dr. Mahathir memasuki arena politik, Siti Saleha sudah menjangka yang adik iparnya itu akan muncul sebagai pemimpin ternama dalam parti, negara dan dunia.

Mengimbu detik awal bermulanya pendakian Dr. Mahathir sebagai pemimpin parti dan negara, Siti Saleha teringat bagaimana dia dipanggil oleh Allahyarham Tun Hussein Onn yang pada masa itu merupakan Perdana Menteri Malaysia dan Presiden UMNO ke pejabatnya.

"Sebaik tiba di pejabat Hussein, (Tan Sri) Azizan Zainul Abidin (Petronas) yang masa itu setiausahaanya beritahu saya beliau sibuk dan tidak boleh jumpa tetamu.

"Saya kata balik, bukan saya nak jumpa, dia (Hussein) yang panggil," ujarnya.

Selepas dibenarkan masuk ke pejabat Perdana Menteri, Siti Saleha memberitahu, Hussein bertanyakan pandangannya jika beliau melantik Dr. Mahathir sebagai timbalannya.

Menurut Siti Saleha, pertanyaan itu benar-benar memeranjatkannya kerana rancangan Hussein itu akan menyaksikan Dr. Mahathir 'melangkah' sebagai nama yang lebih senior seperti 'King Ghaz' @ Tan Sri Ghazali Shafie, Tengku Tan Sri Ahmad Rithauddeen, Tengku Razaleigh Hamzah @ Ku Li dan Tun Ghafar Baba.

"Jadi saya minta Hussein fikir semula dan saya pun balik ke rumah," katanya.

Bagaimanapun keesokan harinya, menurut Siti Saleha, Hussein sekali lagi memanggilnya dan sebaik tiba di pejabatnya terus meminta menulis nama Dr. Mahathir dalam tulisan jawi.

Pada waktu itu, katanya, beliau sedar yang Hussein tidak mengubah fikiran untuk menamakan Dr. Mahathir sebagai timbalannya.

Akur dengan keputusan itu, Siti



SITI SALEHA

Saleha kemudian memanggil pemandunya yang bernama Wan untuk membantu menulis nama Dr. Mahathir dalam tulisan khat jawi di atas kertas yang kemudiannya dibawa oleh Hussein ke istana untuk dipersembahkan kepada Yang di-Pertuan Agong.

Siti Saleha masih ingat jawapan ringkas Hussein ketika ditanya kenapa beliau memilih Dr. Mahathir: "I want a clever man (Saya mahu orang yang bijak)."

Baginya, Hussein merupakan seorang pemimpin yang jujur kerana tidak menganggap kecerdikan Dr. Mahathir sebagai ancaman kepada kedudukannya.

Laluan

Sebaliknya, kata Siti Saleha, Hussein mengiktiraf kebolehan Dr. Mahathir dan dengan rela hati mengundur diri untuk memberi laluan kepada beliau menggantikan tempatnya.

Mengimbas detik-detik diumumkan sebagai Timbalan Perdana Menteri, beliau masih ingat Dr. Mahathir yang menjadi Menteri Pelajaran pada masa itu sedang melawat sekolah di Johor dan kemudian dijadual ke Singapura.

"Semasa sedang berucap di Johor, Hussein membuat pengumuman pelantikan Mahathir sebagai timbalannya di televisyen," kata Siti Saleha.

Selepas habis berucap, Pengarah Pendidikan yang mengiringi lawatan Dr. Mahathir, Murad Mohd Noor (sekarang Tan Sri) mengucapkan tahniah.

"Mahathir kata, tahniah apa? Itu sama dengan ucapan lepas. Murad beritahu dia dilantik Timbalan Perdana Menteri. Mahathir tak percaya, kata jangan nak bergurau," cerita Siti Saleha.

Menurutnya, Dr. Mahathir kemudian membatalkan rancangan ke Singapura dan bergegas pulang ke Kuala Lumpur.

Kata beliau, apa yang berlaku selepas itu menjadi sejarah bermulanya pendakian kerjaya cemerlang Dr. Mahathir sehingga menjadi Perdana Menteri dan menerajui tampuk pimpinan negara sehingga hari ini.

Dalam kesibukan tugas sebagai pemimpin negara menurut Siti Saleha Dr. Mahathir amat mengambil berat kesihatan ahli keluarga.

"Saya sendiri telah menjalani tujuh pembedahan besar termasuk yang boleh membawa maut dan kesemuanya Che Mah dan Mahathir ada di sisi.

"Malah mereka pernah menangguhkan penerbangan ke Eropah pada 1978 apabila saya dimasukkan ke hospital untuk pembedahan apendiks," katanya.

Sungguhpun amat prihatin terhadap kebajikan ahli keluarga, Siti Saleha berkata, Dr. Mahathir mempunyai prinsip yang jelas dalam beberapa perkara khususnya berhubung penglibatan dalam projek-projek kerajaan.

Siti Saleha sedih kerana banyak tuduhan yang dilemparkan kepada ahli keluarga dan anak-anak Dr. Mahathir kononnya mendapat manfaat daripada projek tertentu.

"Sedangkan hakikatnya mereka dan saya sendiri tidak pernah meminta projek kerajaan sebab Dr. Mahathir sudah keluaran arahan supaya jangan sesiapa melayan permintaan projek daripada ahli keluarganya.

"Jika ada juga penglibatan anaknya dalam projek tertentu, itu hasil usaha mereka, tetapi tetap kena kutuk," katanya sambil mengimbas bagaimana Dr. Mahathir pernah 'menyiasat' sendiri dengan Bank Swiss apabila timbul tuduhan kononnya Siti Saleha mempunyai akaun di Switzerland.

"Akhirnya dia (Dr. Mahathir) pula yang kata 'kesian kakak...satu sen pun tak ade' selepas mendapati tuduhan tersebut tidak berasas," katanya.

Disebabkan itu, Siti Saleha berkata, beliau kecewa mendengar tohmahan sesetengah pihak terhadap Perdana Menteri sekeluarga.

"Cuba tanya berapa banyak (wang) dia ada? Di The Mines, orang katalah (Tan Sri) Lee Kim Yew buatkan dia rumah. (Sebenarnya) dia jualkan rumah di Titi Gajah (untuk buat rumah di The Mines)," dedahnya.

Bagi Siti Saleha, Dr. Mahathir sebenarnya telah menghambakan diri untuk negara tanpa mengira habuan yang diterima daripada pengorbanannya itu.

Menurut Siti Saleha, beliau sendiri mendapat kekuatan daripada Dr. Mahathir untuk meneruskan kerjakerja amal sungguhpun terpaksa berkerusi roda.